

Prestasi menteri Kabinet dipantau

UM - 17/2/2006

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI
dan FAUZI JAAFAR

**Jika (menteri) tak mampu, tak boleh buat
kerja, tak ada hasil apa-apa pun. Tak ada
kerja dia (buat) berhentilah**

**ABDULLAH
AHMAD
BADAWI**

KUALA LUMPUR 16 Feb. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, prestasi menteri Kabinet akan sentiasa dipantau bagi memastikan mereka menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan sempurna.

Perdana Menteri berkata, tugas memantau itu akan dilakukan oleh sebuah jawatankuasa khas yang berperanan menyediakan laporan terhadap prestasi setiap menteri kepadanya.

Bercakap pada sidang akhbar di majlis perasmian Ekspo Industri Asas Tani (EIAS) 2006 di sini hari ini beliau mengingatkan semua menteri: "Bekerjalah bersungguh-sungguh, saya akan memantau melalui sebuah jawatankuasa."

Semalam sebelum mempengerusikan mesyuarat jemaah menteri, Abdullah mengingatkan barisan Kabinet barunya bahawa mereka tidak mempunyai pilihan selain serius menjayakan segala program Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) atau berhenti jika tidak mampu.

Ini kerana menurut Perdana Menteri banyak projek rakyat akan dilaksanakan dalam RMK-9 dan beliau tidak mahu ia gagal hanya disebabkan ada anggota

Kabinet tidak serius dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

Rombakan pada Selasa lalu antara lain menyaksikan dua timbalan menteri dinaikkan pangkat sebagai menteri penuh dan dua bekas menteri dilantik semula sebagai menteri.

Timbalan menteri yang dinaikkan pangkat ialah Datuk Zainuddin Maidin daripada Timbalan Menteri Penerangan kepada Menteri Penerangan dan Datuk Zulfhasnan Raffique daripada Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan kepada Menteri Wilayah Persekutuan.

Dua bekas menteri yang dilantik kembali ialah Datuk Seri Mohd. Effendi Norwawi sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor sebagai Menteri Pelancongan.

Mengulas lanjut, Abdullah berkata, adalah lebih wajar jika mana-mana menteri yang tidak mampu menjalankan tugas berhenti.

"Jika (menteri) tak mampu, tak boleh buat kerja, tak ada hasil apa-apa pun.

Tak ada kerja dia (buat) berhentilah, apa nak buat lagi," tegas beliau.

Perdana Menteri bagaimanapun yakin menerusi perancangan yang baik, barisan Kabinet sekarang mampu menjayakan program RMK-9.

Mengenai pelantikan baru dan perubahan portfolio, Abdullah berkata, "Kita tukar dan beri mereka cuba perkara baru. Dengan perubahan yang saya buat, saya harap prestasi mereka akan lebih baik."

Perdana Menteri bagaimanapun menjelaskan, ada menteri yang tidak ditukar portfolio kerana telah menunjukkan prestasi baik dan masih diperlukan di kementerian tersebut.

Sebagai contoh, Abdullah berkata Tan Sri Muhyiddin Yassin masih dikekalkan sebagai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani bagi membolehkan beliau meneruskan usaha memajukan sektor pertanian.

"Kalau memandu, Tan Sri Muhyiddin kira dah masuk 'gear' tiga atau empat, macam mana nak tukar pemandu," jelas beliau.